

21/08/2005

PESARA HASILKAN REPLIKA MENARA BERKEMBAR DARIPADA TIN MINUMAN

SUNGAI PETANI, 21 Ogos (Bernama) -- Seorang pesara tentera menggunakan kreativitinya bagi menterjemahkan kecintaannya terhadap negara sempena ulang tahun kemerdekaan ke-48 dengan membina replika menara berkembar Petronas setinggi lapan meter menggunakan bahan buangan.

Abdul Ghani Ariffin, 64, mengambil masa lebih dua bulan mengumpul 2,321 tin bekas minuman untuk mencipta replika tersebut di hadapan rumahnya di Taman Sri Impian di sini, dengan dibantu isterinya Leha Hassan, 59.

Beliau yang kini bertugas sebagai guru agama tidak segan atau malu mengutip bahan terbuang, termasuk tin bekas minuman dan besi buruk untuk menghasilkan replika menara berkembar yang menarik perhatian orang ramai yang melalui jalan Sungai Petani ke Baling.

"Walaupun banyak menggunakan bahan terbuang tetapi saya telah membelanjakan lebih RM2,000 untuk membeli aluminium bagi membentuk menara berkembar dan melekatkan 2,321 tin kosong bekas minuman padanya," katanya kepada Bernama semasa ditemui di rumahnya hari ini.

Abdul Ghani turut meletakkan gambar bekas pemimpin negara iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr Mahathir Mohamad serta Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di jambatan penghubung antara kedua-dua menara itu.

"Saya membina replika menara Petronas ini kerana ingin tunjukkan negara kita aman, makmur dan kita mempunyai pemimpin yang berwawasan jauh," katanya.

Abd Ghani yang bersara dengan pangkat Sarjan berkata: "Hari ini kita perlu berkorban sedikit sahaja, hanya dengan mengibarkan Jalur Gemilang, tetapi generasi terdahulu yang berhadapan dengan era mendapatkan kemerdekaan telah berkorban darah dan nyawa untuk kita nikmati apa yang ada pada masa ini."

-- BERNAMA
CSN MZM ROS